



SIARAN AKHBAR

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA PEMBUKAAN *PLENARY OF THE BOAO FORUM ASIA ANNUAL CONFERENCE 2021*

Bandar Seri Begawan, Selasa, 20 April 2021

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku pengerusi ASEAN bagi tahun 2021, dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Li Baodong, Setiausaha Agung bagi *Boao Forum for Asia* (BFA), untuk menyampaikan titah khas menerusi video rakaman semasa Pembukaan *Plenary of the BFA Annual Conference 2021* di Boao, Republik Rakyat China pada 20 April 2021.

Tuan Yang Terutama Xi Jinping, Presiden Republik Rakyat China dan pemimpin negara lain dari negara-negara Asia Pasifik juga menyampaikan ucapan menerusi video rakaman di Pembukaan Plenary Persidangan. Tuan Yang Terutama Wang Qishan, Timbalan Presiden Republik Rakyat China telah menghadiri Persidangan tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyatakan bahawa tahun ini merupakan tonggak sejarah hubungan dengan Republik Rakyat China bagi menandakan ulang tahun ke-30 hubungan dialog ASEAN-China serta jalinan hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Dalam waktu mencabar ini, ASEAN telah menunjukkan kesatupaduan dan berganding bahu untuk mengurangkan impak pandemik, tanpa melupakan usaha berintegrasi. Baginda bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2021, diberikan penghormatan untuk memimpin rantau ini bagi menuju pemulihan ekonomi. Dengan tema *'We Care, We Prepare, We Prosper'*, Baginda seterusnya menegaskan komitmen ASEAN secara kolektif dalam menjaga penduduknya dan bersiap sedia menghadapi cabaran-cabaran dan peluang-peluang masa depan, dengan tujuan untuk memastikan seluruh komuniti ASEAN akan dapat terus maju.

Baginda bertitah di bawah ASEAN Economic Community, Negara Brunei Darussalam mempunyai 13 *Priority Economic Deliverables* yang mana menunjukkan tekad ASEAN dalam memfokuskan usahanya ke arah pemulihan ekonomi pasca pandemik, sambil memanfaatkan



teknologi baru dan digitalisasi untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan di ASEAN.

Penandatanganan Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement (RCEP) tahun lalu tidak hanya menunjukkan keupayaan negara-negara anggotanya bersatu dalam memperkembangkan kerjasama perdagangan antarabangsa, bahkan juga akan dapat membantu meningkatkan pemulihan serantau.

Baginda seterusnya bertitah bahawa Inisiatif *Belt and Road* akan melengkapkan revitalisasi ekonomi mereka, sambil menambah bahawa ia adalah rancangan penting yang akan menyumbang kepada hubungan serantau dan meningkatkan lagi landskap ekonomi, dan ia juga dapat memberi peluang bagi bekerjasama dalam banyak bidang dan melalui forum sub-serantau seperti BIMP-EAGA.

Sebelum menggulung titah, Baginda berharap untuk terus memperkukuhkan kerjasama ASEAN-China bagi memaksimumkan peluang-peluang dan usaha untuk mencapai pertumbuhan ekonomi serantau yang berdaya tahan.

Persidangan Tahunan BFA 2021 telah diadakan pada 18 hingga 21 April 2021 dan bertepatan dengan Ulang Tahun ke-20 Forum. Tema Forum tahun ini adalah '*A World in Change: Join Hands to Strengthen Global Governance and Advance Belt and Road Cooperation*'. Ditubuhkan bersama oleh 29 negara Asia Pasifik pada bulan Februari 2001, BFA berfungsi sebagai platform dialog berperingkat tinggi yang mengumpulkan lebih dari 2,000 perwakilan dari kerajaan, perniagaan, media, institusi akademik dan organisasi antarabangsa dari Asia dan seterusnya, termasuk pemimpin dari negara tuan rumah Republik Rakyat China dan ekonomi lain, untuk berkongsi pandangan dan cadangan mereka mengenai pembangunan Asia dan juga dunia.

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

7 Ramadhan 1442
20 April 2021



PRESS RELEASE

TITAH OF HIS MAJESTY THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF BRUNEI DARUSSALAM FOR THE OPENING PLENARY OF THE BOAO FORUM FOR ASIA ANNUAL CONFERENCE 2021

Bandar Seri Begawan, Tuesday, 20th April 2021

His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam as the Chair of ASEAN for 2021, was invited by His Excellency Li Baodong, Secretary General of the Boao Forum for Asia (BFA), to deliver a special titah via recorded video at the Opening Plenary of the BFA Annual Conference 2021 in Boao, People's Republic of China on 20th April 2021.

His Excellency Xi Jinping, President of the People's Republic of China and other state leaders from Asia-Pacific countries also delivered pre-recorded speeches at the Opening Plenary of the Conference. His Excellency Wang Qishan, Vice President of the People's Republic of China attended the Conference.

His Majesty in the titah noted that this year is another milestone in the history of relations with the People's Republic of China as this year marks the 30th anniversary of ASEAN-China dialogue relations as well as the establishment of diplomatic relations between Brunei Darussalam and People's Republic of China.

During this difficult time, ASEAN has shown its solidarity and joined hands to mitigate the impacts of the pandemic, without losing sight of the integration efforts. His Majesty stated that Brunei Darussalam, as the Chair of ASEAN for 2021, has the honour to lead the region towards economic recovery. The theme, "We Care, We Prepare, We Prosper" affirms ASEAN's collective commitment to care for its people and prepare for future challenges and opportunities, with the goal of ensuring that the whole ASEAN Community can sustainably prosper.

His Majesty said that under the ASEAN Economic Community, Brunei Darussalam's 13 Priority Economic Deliverables show ASEAN's determination in focusing its efforts towards the region's economic recovery post-pandemic, while leveraging on new technologies and digitalisation to ensure sustainable economic growth in ASEAN.

The signing of the Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement (RCEP) last year not only demonstrated the concerted efforts of its member countries towards



advancing international trade cooperation, but it will also help to strengthen regional recovery efforts.

His Majesty further said the Belt and Road Initiative would further complement the revitalisation of their economies, adding that it is a significant plan that would contribute to regional connectivity and further enhance the economic landscape, and that it could also present opportunities to work together in many areas and through sub-regional fora such as BIMP-EAGA.

Before concluding the titah, His Majesty looked forward to the continuous strengthening of ASEAN-China cooperation to maximise the prospects and efforts towards achieving regional sustainable economic growth.

The BFA Annual Conference 2021 was held 18th to 21st April 2021 and coincided with the 20th Anniversary of the Forum. The theme of this year's Forum is, "A World in Change: Join Hands to Strengthen Global Governance and Advance Belt and Road Cooperation". Jointly initiated by 29 Asia-Pacific countries in February 2001, BFA serves as a high-level platform of dialogue bringing together more than 2,000 delegates from governments, businesses, media, academic institutions and international organisations from Asia and beyond, including leaders from host country People's Republic of China and other economies, to share their insights and proposals on the development of Asia and the world.

MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

Ministry of Finance and Economy Building

Commonwealth Drive

Bandar Seri Begawan BB3910

Brunei Darussalam

7th Ramadhan 1442

20th April 2021